



PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL.1/2015

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN SELEPAS BERSARA DAN LANTIKAN SECARA
KONTRAK (BUKAN WARGANEGARA) BAGI JAWATAN AKADEMIK GRED 41-54 DAN
PENGAJAR KHAS**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan, pihak Universiti telah membuat penelitian dan semakan semula bagi syarat pembaharuan perkhidmatan selepas bersara dan lantikan secara kontrak (bukan warganegara) bagi jawatan akademik gred 41-54 dan pengajar khas.

3. Sehubungan dengan itu, MPU Bil. 1/2015 (13/1/2015) telah bersetuju meluluskan :

- i. **Bagi kakitangan akademik warganegara** di gred 41-54, yang telah bersara tidak lagi dilantik **secara kontrak KECUALI** atas keperluan strategik yang diperakukan oleh pengurusan universiti dan kedudukan kewangan universiti yang membenarkan;
- ii. **Bagi kakitangan akademik bukan warganegara** di gred 41-54, pelantikan semula adalah **TERTAKLUK kepada kecemerlangan luar biasa calon dalam bidang kritikal serta kedudukan kewangan universiti yang membenarkan**. Pelantikan juga adalah berasaskan keperluan melantik pensyarah dari luar negara sebagai langkah untuk menyokong keperluan pengantarabangsaan universiti penyelidikan. Semua calon yang layak akan dipertimbangkan untuk dilantik semula ke jawatan asal berasaskan kecemerlangan dan Nilai Strategik serta Terma Rujukan Tugas (TOR) yang ditetapkan oleh Fakulti/Institut/Pusat. Pelantikan adalah mengikut syarat dan kelayakan skim dan gred jawatan tersebut; dan
- iii. Pelantikan Skim Pengajar Khas / Pengajar Khas (Klinikal) bagi semua gred jawatan (gred 41 - VK) tidak lagi dilaksanakan.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

- iv. Staf akademik sedia ada seperti (i, ii dan iii di atas) yang berada dalam tempoh lantikan kontrak masih diteruskan perkhidmatannya sehingga tamat tempoh.
3. Kerjasama YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada seluruh warga di bawah seliaan adalah amat dihargai.
4. Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan Dr. Hjh Ina Md. Yasin (03-8921 5011 / eyna@ukm.edu.my atau Cik Marsitah Mohd Razali (03-8921 4589 / shitah@ukm.edu.my)

Sekian, terima kasih.

'OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI'

Yang benar,



ASMAHAN MUSA
Pengarah Eksekutif Pentadbiran